

Abah tak ada harta nak tinggal untuk Amir, Abah tak nak anak abah kerja penat macam abah

Oleh: Helena Pieary Juman



SERDANG, 5 Disember- "Abah tiada harta nak tinggalkan untuk Aim, abah boleh beri pendidikan sahaja buat Aim dan adik-adik, tak nak anak-anak abah kerja penat macam abah,"

Inilah kalimah yang menjadi pembakar semangat saya untuk terus melanjutkan pengajian kata Amir Naim Mat Ayob, 24, ketika di temubual pada Majlis Konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM) yang ke-48 ,

Amir Naim Mat Ayob juga merupakan penerima Anugerah Pingat Emas Kerjaya Shell MyDinar turut menzahirkan perasaan sukacita yang teramat kerana dapat membanggakan orang tuanya.



“Saya sangat bersyukur dan berbangga kerana dapat menjadi teladan yang baik kepada adik-adik.

Sementara itu Ibu, dan bapanya Mat Ayob Ismail, 60, sebak dan gembira dengan penganugerahan yang diterima oleh anak lelaki mereka.

“Abah dan Ma tidak pernah menyesal membesarkan Aim adik-adik walaupun berhabis banyak duit untuk pelajaran. Abah dan Ma doakan Aim dapat menjalani hidup yang baik serta dapat mengubah nasib keluarga,” kata Mat Ayob Ismail, 60.



Menurut anak ketiga daripada enam orang adik-beradik ini, bapanya merupakan seorang pengawal keselamatan selain melakukan pelbagai pekerjaan kampung lain seperti menoreh getah dan mengait kelapa sawit, manakala ibunya suri rumah sepenuh masa.

Beliau berharap dapat menjadi pembakar semangat kepada adik-adik untuk terus belajar sehingga ke menara gading tanpa ada rasa rendah diri walaupun datang dari kampung.